



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRATEGI MAHASISWA ANTARABANGSA DALAM PENGUASAAN BAHASA
MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING***

YONG CHYN CHYE

FBMK 2012 42

**STRATEGI MAHASISWA ANTARABANGSA DALAM PENGUASAAN
BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING**



**Tesis Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

September 2012

DEDIKASI

Buat ayahanda ...

Yang tidak pernah lekang berdoa untuk kejayaan anakandanya.

Sanggup bersusah payah demi kesenanganku,

memberi semangat ketika diri ini lesu.

Terima kasih BA.

Buat bondaku ...

Yang tidak pernah jemu mengajar erti kehidupan dan

merestui perjuanganku.

Jerit perihmu bersama kepayahan

Kujadikan pendorong untuk kejayaan ini.

Terima kasih MA.

Buat guru-guru ...

Guru-guruku ketahuilah jasa dan pengorbanan kalian

menitiskan ilmu tanpa jemu kepada

anak bangsa sungguh suci.

Kalian banyak membantuku semasa menerokai ilmu.

Semua itu amat bermakna buat ku... Thank You

Buat abang, kakak dan teman sejatiku...

Terima kasih atas sokongan dan dorongan kalian.

Terimalah kebahagiaan ini sebagai tanda

sucinya kasihku kepada kalian.

Yang pastinya, bakti suci kalian tidak dapat kubalas

walau dengan air mata darah sekalipun.

Buat semua...

TERIMA KASIH KUUCAPKAN !!

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**STRATEGI MAHASISWA ANTARABANGSA DALAM PENGUASAAN
BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING**

Oleh

YONG CHYN CHYE

September 2012

Pengerusi : Profesor Madya Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini merincikan strategi mahasiswa antarabangsa dalam penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing secara formal dan tidak formal di Universiti Multimedia, Cyberjaya. Kajian ini penting demi memartabatkan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa antarabangsa sempena hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi serantau. Persoalannya, usaha membina kaedah pengajian BM yang efektif terbatas kepada ketandusan usaha penilaian yang fokus kepada pembelajaran BM sebagai bahasa asing (BA), khasnya bagi golongan mahasiswa antarabangsa yang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta. Lebih-lebih lagi, keberkesanan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) dan peranan ekstralinguistik kurang diberikan perhatian oleh penyelidik tempatan. Bagi kajian ini, Teori Taksonomi Strategi Pembelajaran O'Malley dan Chamot (1990) telah diaplikasikan untuk mengenal pasti SPBM mahasiswa antarabangsa. Seterusnya, keberkesanan SPBM dan hubung kaitnya dengan faktor ekstralinguistik dikaji berpandukan Teori Sosiopsikologi Gardner dan Lambert (1972). Kajian ini kemudian mengklasifikasikan kesilapan leksikal BM mengikut demografi melalui pendekatan

analisis kesilapan Corder (1974). Pada akhirnya, keseluruhan dapatan kajian ini dimanfaatkan untuk menghasilkan perisian khusus untuk mempelajari BM sebagai BA. Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan, tinjauan dan pemerhatian di dalam kelas. Sampel kajian merangkumi 114 orang mahasiswa antarabangsa Trimester 2, 2010/2011 dan Trimester 3, 2010/2011 dari 21 negara. Semua sampel kajian ini telah mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan B selama 14 minggu di Universiti Multimedia, Cyberjaya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pembelajaran BM banyak berlaku di dalam kelas secara formal manakala keterandalan kepada tenaga pengajar menjadi strategi utama mahasiswa antarabangsa. Namun, mereka jarang menggunakan bahan rujukan dan jarang mengaplikasikan pembelajaran sendiri (*self study*) tanpa tunjuk ajar daripada tenaga pengajar. SPBM juga kurang digunakan dalam situasi tidak formal dan BM jarang dipraktik sebagai wahana penyampaian ataupun penerimaan maklumat. Mahasiswa antarabangsa bersetuju bahawa aplikasi SPBM didorong oleh faktor ekstralinguistik, khasnya faktor integrasi. Manakala faktor keunikan BM dianggap kurang penting dalam SPBM secara formal. Dari segi keberkesanan SPBM, didapati bahawa semakin cenderung mahasiswa asing mengaplikasikan SPBM di dalam kelas, maka semakin tinggi markah yang diperoleh melalui ujian. Dalam analisis kesilapan, mahasiswa antarabangsa umumnya didapati gagal menguasai makna leksikal (kesilapan semantik) secara efektif. Selain itu, kesilapan aspek angka asas paling banyak dikesani dalam ujian semasa. Dari segi demografi kewarganegaraan, kesilapan antara kumpulan mahasiswa Afrika adalah paling ketara dan peratusan kehadiran kuliah mereka adalah rendah berbanding dengan pelajar lain. Dari segi demografi jantina pula, didapati pelajar perempuan lebih banyak

melakukan kesilapan. Dari segi demografi umur, penguasaan BM sebagai bahasa asing dalam kalangan mahasiswa antarabangsa yang berumur muda adalah lebih baik berbanding dengan mereka yang belajar pada peringkat umur lebih lanjut (>26). Seterusnya, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pengalaman dan tahap mempelajari bahasa asing yang lain membantu seseorang mahasiswa asing menguasai BM. Akhir sekali, penyelidik menghasilkan perisian yang khusus untuk mempelajari BM sebagai BA. Sementara itu, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan yang perlu diambil kira oleh jentera kerajaan, agensi intelek, ahli bahasa, para penyelidik serta tenaga pengajar yang berperanan sebagai motivator pelajar agar berganding bahu dalam usaha mempertahankan martabat BM. Selain itu, cabaran global dan kerjasama serantau harus dipertimbangkan dalam usaha mempromosikan BM sebagai bahasa antarabangsa.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**INTERNATIONAL STUDENTS' LEARNING STRATEGIES OF
MALAY LANGUAGE AS A FOREIGN LANGUAGE**

By

YONG CHYN CHYE

September 2012

Chairman : Associate Professor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Faculty : Faculty of Modern Languages and Communication

This thesis examination on the formal and informal learning strategies of international students in learning the Malay language as a foreign language in Multimedia University, Cyberjaya. This study is important to uphold the Malay language (BM) as an international language in conjunction with the government's intention to make Malaysia a regional hub for higher education. The question is, the effort in building an effective method of BM studies is limited by the dearth of evaluation efforts that focus on the learning of BM as a foreign language, especially for the international students studying in private higher education institutions. Moreover, the effectiveness of the Malay language learning strategies (SPBM) and the role of extralinguistic factors are given little attention by local researchers. First and foremost, the Theory of Taxonomy Learning Strategy by O'Malley and Chamot (1990) was applied to identify SPBM among the international students. Next, the effectiveness of SPBM and its correlation with extralinguistic factors based on the Sociopsychological Theory by Gardner and Lambert (1972) were examined. This

study then classified the BM lexical errors according to demographics through Corder's (1974) error analysis approach. Finally, all the findings were used to produce specific software to learn BM as a foreign language. This study involved literature review, survey and observation in the classroom. The sample included 114 international students from 21 countries during Trimester 2, 2010/2011 and Trimester 3, 2010/2011. All the participants in the study's sample had followed *Bahasa Kebangsaan B* subject for 14 weeks at Multimedia University, Cyberjaya.

The results showed that the learning process of BM occurred more during the teaching in the formal classroom, while the dependency on the instructor is the main strategy of the international students. However, they rarely used reference materials, and self study without the guidance of the instructors was rarely applied. SPBM is also less used in informal situations and BM is rarely practiced as a medium of information delivery or receipt of information. The international students agreed that the application of SPBM is motivated by extralinguistic factors, especially the integration factor. Meanwhile the uniqueness factor of BM is considered less important in SPBM formally. In terms of the effectiveness of SPBM, it was found that the more inclined the foreign students are in applying SPBM in class, the higher the scores they obtained in tests. In the error analysis, it was found that the international students generally failed to capture the lexical meaning (semantic errors) effectively. In addition, the errors of the basic number aspect were the ones detected the most in the tests. In terms of citizenship demographics, the errors were the most significant among the African students, and it was noted that the percentage of their class attendance is low compared to the other students. In terms of gender demographics, it was found that the female students made more errors. In terms of

age demographics, the mastery of BM as a foreign language among the younger international students was better in comparison to those who learnt the language at an older age, i.e. more than 26 years old. Furthermore, the results of this study also showed that experience and the stage of learning other foreign languages will also help a foreign student to master BM. Finally, the researcher has developed specific software to learn BM as a foreign language. In the meantime, the researcher proposed a few suggestions that need to be considered by the government machinery, intelligence agencies, linguists, researchers, and instructors who play the role as student motivators so that they could work hand in hand in defending the status of BM. Additionally, global challenges and regional cooperation should be considered in the effort of promoting the Malay language as an international language.

PENGHARGAAN

Seawal bicara ini adalah paling layak saya lafaz kesyukuran kepada Tuhan, kerana dengan keizinan-Nya, dapatlah saya menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi syarat untuk memperolehi ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Di kesempatan ini, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam (selaku Pengerusi), Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Daing Melebek dan Profesor Madya Dr. Normaliza Abd. Rahim (selaku Ahli Jawatankuasa) yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna dalam usaha saya untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa bimbingan yang penuh kesabaran ini, tesis tidak akan dapat disempurnakan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Segala usaha dan pengorbanan masa akan tetap abadi dalam ingatan saya dan merupakan suatu pengalaman akademik yang tidak ternilai harganya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah menawarkan Program Pembiayaan MyPhD di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Tajaan daripada pihak Kementerian telah membantu penyelidik dari aspek kewangan sepanjang pengajian ini.

Tidak ketinggalan juga ucapkan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Multimedia, Cyberjaya, khasnya pensyarah, kakitangan pentadbiran dan mahasiswa mahasiswi antarabangsa Trimester 1, 2008/2009 merupakan sampel kajian rintis;

mahasiswa mahasiswi antarabangsa Trimester 2, 2010/2011 dan Trimester 3, 2010/2011 pula sebagai sampel kajian sebenar. Mereka telah menjadi kunci kejayaan tesis ini. Segala pengorbanan masa, kesabaran dan kerjasama mereka akan dikenang budi. Semoga mereka meneruskan perjuangan agar berjasa kepada masyarakat.

Sejambak mawar dan sekalung kasih untuk pensyarah dan rakan tersayang yang sudi menyumbangkan buah fikiran untuk menyempurnakan kajian ini, terutamanya Dr. Chan Tze Haw, Dr. Siti Saniah Abu Bakar, Zakiah Manjanib, Wei Hui Suan, Kim Mihyang, Jimmy Low dan Okada Sumio. Begitu juga penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan bahan penyelidikan, khasnya kakitangan perpustakaan UPM, UM, UKM, DBP, Perpustakaan Negara dan Pusat Dokumentasi di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Akhir sekalian adalah menjadi harapan kepada saya agar hasil penulisan tesis ini dapat menepati matlamat dan objektif kajian serta kehendak penyelia kursus. Penulisan tesis ini juga menjadi panduan dan pengalaman kepada saya sebagai mahasiswa yang tidak pernah jemu menerokai ilmu pengetahuan, terutamanya dalam bidang bahasa Melayu:

“BERILMU BERBAKTI”

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 September 2012 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Yong Chyn Chye untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Strategi Mahasiswa Antarabangsa dalam Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hashim bin Haji Musa, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zulkifley Hamid, PhD

Profesor
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)



SEOW HENG FONG, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 Disember 2012

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Normaliza binti Abd. Rahim, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



YONG CHYN CHYE

Tarikh: 21 September 2012

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI CARTA	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi
SENARAI NOTA	xxiii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Perkembangan Strategi Pembelajaran Bahasa	4
Persepsi Strategi Pembelajaran Bahasa oleh Mahasiswa Antarabangsa	8
Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Malaysia	9
Pengajian Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan Universiti Multimedia	15
Pernyataan Masalah	19
Persoalan Kajian	27
Objektif Kajian	28
Hipotesis Kajian	29
Kepentingan Kajian	29
Skop Kajian	30
Definisi Operasional	35
Strategi	35
Mahasiswa Antarabangsa	35
Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing	35
Perspektif Psikolinguistik	36
Faktor Ekstralinguistik	37
II SOROTAN KAJIAN	39
Strategi Pembelajaran Bahasa Asing/B2 dan Faktor Ekstralinguistik	40
Kajian di Luar Negara	40
	xiii

Kajian di Dalam Negara	47
Analisis Kesilapan	58
Penghasilan Bahan Pembelajaran Bahasa Asing	62
Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian Ini	66
III METODOLOGI	69
Reka Bentuk Kajian	69
Kerangka Teori	69
Teori yang diaplikasikan dalam Objektif 1	69
Taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa Asing	74
Teori yang diaplikasikan dalam Objektif 2	79
Teori Sosiopsikologi	79
Model Socioeducational	79
Teori yang diaplikasikan dalam Objektif 3	83
Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan	83
Model yang diaplikasikan dalam Objektif 4	90
Kerangka Konseptual	94
Kaedah Kajian	95
Kaedah Kepustakaan	95
Kaedah Tinjauan	95
Kaedah Pemerhatian	95
Tempat Kajian	96
Populasi dan Pensampelan	97
Pemboleh Ubah Kajian	98
Pemboleh Ubah Bebas	98
Pemboleh Ubah Bersandar	99
Alat Kajian	99
Borang Soal Selidik	99
Kertas Ujian Penulisan	101
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	102
Tatacara Kajian	108
Kajian Rintis	108
Kajian Sebenar	110
Penganalisan Data	110
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	114
Latar Belakang Demografi	115
Objektif 1: Untuk Mengenal Pasti Strategi Pembelajaran	
Mahasiswa Antarabangsa dalam Penguasaan	
Bahasa Melayu Secara Formal dan Tidak Formal	
a. SPBM secara Formal dan Tidak Formal	118
Objektif 2: Untuk Menganalisis Keberkesanan Strategi	
Pembelajaran Bahasa Melayu dan Hubung Kaitnya	

dengan Faktor Ekstralinguistik dalam Kalangan Mahasiswa Antarabangsa	
a. Peranan Ekstralinguistik dan Psikolinguistik	127
b. Hubung Kait SPBM dengan Ekstralinguistik	133
c. Keberkesanan SPBM Melalui Penilaian Semasa	140
Objektif 3: Untuk Mengklasifikasikan Kesilapan Mahasiswa Antarabangsa dalam Penguasaan Leksikal Asas Bahasa Melayu Mengikut Demografi	
a. Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan	143
b. Analisis Kesilapan Leksikal Asas Bahasa Melayu Mengikut Demografi	156
c. Analisis Kesilapan dan Markah Ujian Mengikut Demografi	175
Objektif 4: Untuk Menghasilkan Perisian Khusus untuk Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing	
a. Penghasilan Perisian Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing	179
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	196
Implikasi Dapatan Kajian	204
V RUMUSAN DAN CADANGAN	212
Rumusan	212
Cadangan	218
Sokongan dan Penyelarasan Jentera Kerajaan	219
Motivator Tenaga Pengajar	221
Peranan Agensi Intelek	225
Cabaran Globalisasi dan Kerjasama Serantau	226
Cadangan Kajian Selanjutnya	228
BIBLIOGRAFI	230
LAMPIRAN	244
BIODATA PELAJAR	422
SENARAI PENERBITAN	424